

BAB KETIGA

KAEDAH PENYELIDIKAN

PENDAHULUAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauhmana kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah menengah dalam Daerah Gombak. Kajian tentang kemahiran membaca Al-Quran ini akan dibuat dalam tiga aspek iaitu sebutan huruf, tajwid bertulis dan tajwid bacaan. Ketiga-tiga aspek di atas dipilih berdasarkan kepada teori bacaan Al-Quran oleh ulamak-ulamak terkemuka dalam bidang tajwid Al-Quran yang dihuraikan dalam kitab-kitab tajwid mengikut Manna' Al-Qittan (1973:188) dan Subhi Salleh (1977:95) juga Ishak Abbas (1988:33).

Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau adakah terdapat perbezaan kemahiran membaca Al-Quran mengikut perbezaan latar belakang keluarga, kebolehan dalam membaca serta menulis jawi serta meninjau apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam membaca Al-Quran.

Dalam bab ini akan dihuraikan beberapa aspek yang berkaitan seperti di bawah :

- A. Kaedah Penyelidikan
- B. Sampel

- C. Instrumen
- D. Prosedur Kajian
- E. Cara Penganalisisan Data.

A. KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Di antara teknik kajian yang dijalankan ialah ujian, soal selidik, rakaman bacaan Al-Quran sampel dan pemerhatian pengkaji kepada pelajar tingkatan satu, dan melalui temu bual tidak berstruktur dengan guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam bagi tingkatan satu.

B. SAMPEL

Kajian ini dijalankan kepada pelajar-pelajar tingkatan satu, di Sekolah Menengah Selayang Baru dalam Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. Sekolah Menengah Selayang Baru ini dipilih berdasarkan kepada lokasinya di kawasan pinggir bandar, iaitu antara Selangor dengan Wilayah Persekutuan, yang mana penduduknya terdiri daripada latar belakang yang berbeza, dan sosioekonomi yang merangkumi golongan sederhana, golongan kaya, dan golongan kurang berada.

Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan satu yang telah dipilih secara rawak sistematik daripada semua pelajar tingkatan satu. (Lihat Jadual 3.1)

Semasa kajian dijalankan sampel dikehendaki menjawab soal selidik, ujian jawi bertulis, dan ujian tajwid bertulis yang mereka telah pelajari semasa di tingkatan satu dan semasa di sekolah rendah dahulu. Sampel juga dinilai dengan membaca petikan ayat-ayat Al-Quran dari surah yang ditentukan (Al-Baqarah) dalam sukanan pelajaran tingkatan satu untuk menilai kemahiran sampel dalam sebutan huruf, kelancaran bacaan dan hukum-hukum tajwid yang dikuasai.

Berikut diterangkan beberapa aspek latar belakang sampel dari segi jantina, kawasan tempat tinggal, pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga. Jadual 3.1, 3.2, 3.3, 3.4, 3.5 di bawah menerangkan ciri-ciri sampel.

Jadual 3.1

Pecahan Sampel Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	30	50.0
Perempuan	30	50.0
Jumlah	30	100.0

Jadual 3.1 menunjukkan pecahan sampel mengikut jantina. Mengikut Jadual 3.1, 50 peratus iaitu seramai 30 orang daripada sampel adalah pelajar lelaki, manakala 50 peratus lagi iaitu seramai 30 orang daripada sampel terdiri daripada pelajar perempuan. Komposisi menunjukkan pecahan yang sama antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan ialah untuk memudahkan kajian perbandingan.

Jadual 3.2

Pecahan Sampel Mengikut Peringkat Pendidikan Bapa Yang Tertinggi

Pendidikan Bapa	Kekerapan	Peratus
Sekolah Rendah/Agama	0	0
Sekolah Men. Rendah/Agama	18	30
Sekolah Men. Atas	32	53.3
Diploma/politeknik/STPM	6	10.0
Universiti	4	6.7
Jumlah	60	100.0

Jadual 3.2 menunjukkan pecahan sampel mengikut peringkat pendidikan bapa yang tertinggi. Sebanyak 30 peratus daripada bapa adalah berpendidikan sekolah menengah rendah/Agama, 53.3 peratus sekolah menengah atas 10 peratus daripada bapa berpendidikan diploma/ politeknik/ STPM dan 6.7 peratus berkelulusan universiti.

Jadual 3.3

Pecahan Sampel Mengikut Peringkat Tertinggi Pendidikan Ibu

Pendidikan Ibu	Kekerapan	Peratus
Sekolah Rendah/Agama	6	10.0
Sekolah Men. Rendah/Agama	21	35.0
Sekolah Men. Atas	26	43.3
Diploma/ Politeknik/ STPM	3	5
Universiti	4	6.67
 Jumlah	 60	 100.0

Jadual 3.3 menunjukkan pecahan sampel mengikut pendidikan tertinggi ibu. Sebanyak 10 peratus daripada sampel ibu berkelulusan sekolah rendah/agama, 35 peratus berkelulusan sekolah menengah rendah/agama, 43.3 peratus berkelulusan sekolah menengah atas, 5 peratus berkelulusan diploma, politeknik atau STPM dan 6.7 peratus berkelulusan universiti.

Jadual 3.4

Pecahan Sampel Mengikut Pendapatan Sebulan Ibu Bapa/Penjaga.

Pendapatan Ibubapa Sebulan	Kekerapan	Peratus
Lebih RM 3,000.00	2	3.3
RM2,000.00 hingga RM3,000.00	5	8.3
RM1500.00 hingga RM 1999.00	4	6.6
RM 1000.00 hingga RM 1499.00	10	16.6
RM 700.00 hingga RM 999.00	19	31.6
RM 400.00 hingga RM 699.00	17	28.3
RM 399.00 hingga ke bawah	3	5.0
<hr/>		
Jumlah	60	100.0

Jadual 3.4 menunjukkan pecahan pendapatan sebulan ibu bapa atau penjaga sampel. Sebanyak 3.3 peratus ibu bapa berpendapatan sebanyak lebih daripada RM3,000.00 sebulan, 8.3 peratus yang berpendapatan RM2,000.00 hingga RM3,000.00 sebulan, 6.6 peratus berpendapatan RM1500.00 hingga RM1,999.00 sebulan, 16.6 peratus berpendapatan RM1,000.00 hingga RM1,499.00 sebulan, 31.6 peratus berpendapatan RM700.00 hingga RM999.00 sebulan, 28.3 peratus berpendapatan RM400.00 hingga RM699.00 sebulan dan 5 peratus ibu bapa yang berpendapatan RM399.00 ke bawah sebulan.

Jadual 3.5
Pecahan Sampel Mengikut Kawasan Tempat Tinggal Keluarga

Tempat tinggal	Kekerapan	Peratus
Bandar	8	13.3
Pekan	4	6.6
Tanah Rancangan Felda	0	0
Pinggir Bandar	48	80.0
Kampung Luar Bandar	0	0
 Jumlah	 60	 100.0

Jadual 3.5 menunjukkan taburan sampel mengikut tempat tinggal. Sebanyak 13.3 peratus keluarga sampel tinggal di bandar, 6.6 peratus tinggal di pekan, dan 80 peratus tinggal di pinggir bandar.

C. INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan instrumen berikut:

- i. Ujian Bertulis Tajwid
- ii. Ujian Bacaan
- iii. Ujian Bertulis Jawi
- iv. Soal Selidik

i. **Ujian Bertulis Tajwid Untuk Mengukur Kemahiran Hukum-hukum Tajwid**

Satu set soalan ujian mengandungi item-item yang dibentuk berdasarkan hukum-hukum tajwid yang telah dipelajari semasa di tahun enam dan tingkatan satu, diuji kepada sampel. Hukum-hukum tajwid tersebut dipilih, dan dibina item-item berdasarkan objektif kajian untuk meninjau sejauhmana kemahiran pelajar-pelajar dalam bidang tajwid. Soalan yang dijawab, dianalisis untuk mengukur pencapaian sampel dalam bidang tajwid, dan dibuat perbandingan antara keputusan ujian pelajar lelaki dengan keputusan ujian pelajar perempuan berdasarkan statistik yang berkaitan.

ii. **Ujian Bacaan Untuk Mengenal Pasti Sebutan Huruf Dan Kelancaran Serta Hukum-hukum Tajwid Semasa Membaca.**

Satu set ayat-ayat yang dipilih akan diuji kepada sampel dengan membaca ayat-ayat tersebut, bertujuan mengenal pasti kemahiran sebutan huruf, kelancaran bacaan dengan mengambil kira hukum-hukum tajwid yang telah dipelajari. Kesalahan-kesalahan yang dikesan semasa bacaan dicatat, dan ditulis markah yang diperolehi dalam bentuk markah asal. Markah ini didasarkan kepada grēd yang diperolehi setelah ditolak kesalahan-kesalahan yang dikesan dengan mengambil kira sebutan huruf, wakaf dan ibtida', dan hukum-hukum tajwid serta mad-mad yang terdapat dalam ayat-ayat yang diuji.

iii. Ujian Bertulis Menilai Kemahiran Jawi

Satu set soalan ujian bertulis jawi telah diuji kepada sampel bertujuan untuk menilai kemahiran jawi yang dikuasai oleh sampel. Ujian tersebut mengandungi beberapa item yang dibentuk seperti menyambungkan huruf-huruf jawi supaya menjadi perkataan jawi, dan diberi perkataan jawi supaya ditukarkan ke dalam perkataan rumi dan sebaliknya, serta menukarkan ayat dalam tulisan jawi kepada tulisan rumi.

Dengan ujian-ujian ini diharap dapat membantu penyelidik mendapat data untuk mencari hubungan yang signifikan antara kebolehan dalam bacaan dan tulisan jawi dengan pencapaian pelajar dalam membaca Al-Quran.

iv. Soal Selidik

Kajian ini juga akan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini bertujuan untuk mendapat maklumat tambahan bagi menentukan faktor-faktor latar belakang keluarga, kebolehan pelajar dalam bacaan jawi, dan masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam membaca Al-Quran mempunyai hubungan dengan pencapaian kemahiran membaca Al-Quran.

Soal selidik yang digunakan adalah dibina oleh penulis berdasarkan model pengajaran pembelajaran oleh Bloom (1976) yang mempunyai 19 item. Item-item tersebut bolehlah dibahagikan seperti berikut:

- i. Maklumat mengenai latar belakang keluarga akan diperolehi daripada item 1 hingga item 5, iaitu keturunan, jantina, kawasan tempat tinggal keluarga, peringkat pendidikan ibu bapa, dan pendapatan ibu bapa (telah diterangkan dalam latar belakang sampel).
- ii. Dorongan mempelajari Al-Quran diperolehi daripada item 6 hingga item 11, iaitu pendedahan awal kepada Al-Quran, tamat Muqqadah, tamat Al-Quran, masa membaca Al-Quran, keputusan bacaan Al-Quran tahun enam.
- iii. Kebolehan pelajar dalam bacaan Jawi didapati daripada item 12 hingga 18. Item-item tersebut ialah minat belajar jawi, sikap terhadap bacaan Jawi, keputusan dalam bacaan jawi, kemahiran membaca teks Jawi dan minat membaca buku-buku dan bahan bacaan dalam tulisan Jawi.
- iv. Masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam membaca Al-Quran akan diperolehi melalui item 19. Item ini hanya bertujuan mendapat maklumat daripada pelajar masalah-masalah yang mereka hadapi dalam membaca Al-Quran.

D. PROSEDUR KAJIAN

Kajian Rintis Untuk Menilai Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Soal selidik, ujian bacaan, ujian tajwid serta ujian kebolehan jawi bagi kajian ini telah dikemukakan untuk disemak kepada beberapa orang pakar, tiga orang dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, seorang pegawai kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, dan dua orang guru kanan Pendidikan Islam, di sekolah menengah untuk menentukan kesahihan kandungan. Komen dan pandangan mereka diambil kira dan dimasukkan ke dalam soal selidik dan ke dalam ujian-ujian tersebut. Pengkaji juga telah menjalankan satu kajian rintis di dua buah sekolah di Selangor, yang tidak terlibat dengan sampel kajian. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 30 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak. Kajian rintis ini telah dilaksanakan untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik, ujian Jawi dan ujian tajwid tersebut dan untuk mengetahui kefahaman pelajar terhadap item-itemnya. Pelajar-pelajar yang terlibat dengan kajian rintis diminta memberi komen kepada soal selidik dan ujian-ujian tersebut, untuk melihat kefahaman mereka terhadap item-item yang dibina dan masa yang diambil untuk menjawab ujian tersebut.

Setelah mendapat kebenaran menjalankan kajian di sekolah yang terlibat, sampel yang telah dipilih secara rawak sistematik diberi Jadual berdasarkan masa yang sesuai untuk menjalani ujian secara lisan. Ujian lisan

dijalankan terhadap pelajar secara individu (seorang demi seorang mengikut giliran yang ditentukan). Setelah semua sampel diuji secara lisan, ujian-ujian bertulis pula diberikan kepada sampel untuk dijawab. Sampel hanya dikehendaki menjawab di atas kertas ujian yang disediakan.

Ujian tajwid itu mengandungi soalan-soalan aneka pilihan (objektif) dan soalan subjektif iaitu memberi contoh-contoh ayat yang mengandungi hukum-hukum tajwid yang dikehendaki. Setelah selesai menjawab, ujian tersebut dinilai untuk melihat kemampuan sampel dalam bidang tajwid secara bertulis.

Contoh soalan seperti di Lampiran B.

Ujian bertulis jawi mengandungi beberapa soalan untuk menguji kemahiran jawi yang dikuasai oleh sampel kajian. Jawapan sampel dinilai untuk menentukan kebolehan mereka dalam menulis jawi. Contoh soalan jawi seperti di Lampiran C.

Sampel juga diberi soal selidik untuk dijawab, sebagai maklumat tambahan kepada ujian bacaan dan ujian bertulis, untuk melihat perkaitan dan perbezaan antara jantina, latar belakang, dan kebolehan pelajar dalam bacaan jawi (Contoh soal selidik adalah di Lampiran D). Masa yang diambil untuk semua ujian dan soal selidik bagi seorang sampel ialah sebanyak dua jam. Jumlah masa keseluruhan yang digunakan dalam kajian ini ialah sebanyak 120 jam.

Ujian bacaan Al-Quran bertujuan mengenal pasti sebutan huruf. Ujian ini dijalankan kepada sampel dengan membaca satu set ayat-ayat Al-Quran dari Surah Al-Baqarah ayat 261 hingga ayat 262 (Contoh petikan ayat dalam Lampiran E). Bacaan sampel dirakamkan ke dalam pita rakaman bertujuan mengenal pasti penggunaan tajwid semasa membaca dan sebutan huruf. Dalam petikan ayat ini terdapat beberapa kalimah yang dinilai iaitu kalimah-kalimah yang mengandungi hukum-hukum mad, kalimah-kalimah yang mengandungi hukum-hukum tajwid dengan mengambil kira sebutan huruf yang betul semasa membaca Al-Quran.

Markah sebutan huruf semasa membaca Al-Quran dikira berdasarkan markah penuh seratus peratus berasaskan ayat 261 hingga 262 Surah Al-Baqarah yang dinilai mengikut kesalahan sebutan seperti berikut:

- | | | |
|--------------|---|--|
| Salah 1-3 | = | Baik sebutan, markah 80 hingga 100 |
| Salah 4 -9 | = | Sederhana sebutan, markah 50 hingga 79 |
| Salah 10 -19 | = | Lemah sebutan, markah 0 hingga 49. |

Skala markah di atas dinilai dengan mengambil kira setiap aspek sebutan huruf yang dibaca oleh sampel, termasuk memulakan dan memberhentikan bacaan.

Manakala ujian tajwid bacaan pula dinilai untuk mengenal pasti penggunaan hukum-hukum tajwid semasa membaca Al-Quran. Hukum-hukum tajwid tersebut terbatas kepada hukum-hukum tajwid yang didapati dalam ayat-ayat tersebut.

ayat yang dibacakan oleh sampel sahaja iaitu sebanyak sembilan belas hukum tajwid yang dikenalpasti terdapat di dalam ayat 261 hingga 262 Surah Al-Baqarah.

Ujian Bacaan diljalankan bertujuan mengenal pasti aspek tajwid sampel, bacaan yang menepati tajwid serta tidak ada kesalahan yang dapat dikesan, akan diberi markah seratus peratus. Jika didapati sampel melakukan kesilapan bacaan, setiap kesilapan akan dicatatkan dengan satu kesalahan sebagai satu. Kemudian kesalahan dikira dan dijumlahkan. Sekiranya kesilapan yang sama dilakukan berulangkali, hanya satu kesalahan sahaja yang dicatatkan. Jumlah kesalahan yang dilakukan ditolak dari markah seratus peratus untuk ditentukan grednya, di samping mengambil kira bacaannya, sebutan huruf, hukum-hukum tajwid serta panjang pendek, juga wakaf dan ibtida'. Bacaan sampel dirakamkan ke dalam pita rakaman, untuk dianalisis sebutan huruf, tajwid yang diamalkan semasa membaca dan untuk menilai aspek kelancaran bacaan mereka. Bacaan sampel juga telah disemak oleh dua orang pakar dalam bidang tajwid, sebutan dan kelancaran bacaan mereka bagi menentukan markah yang harus diberikan berdasarkan bacaan sampel. Daripada markah asal yang diperolehi dianalisis untuk menjawab soalan kajian ini.

Sampel yang dipilih juga dikehendaki menjawab beberapa item soalan tajwid bertulis. Item-item tersebut untuk mengukur sejauhmana kemahiran pelajar-pelajar dalam bidang tajwid. Markah ujian tajwid bertulis dinilai dengan markah penuh seratus peratus dan dinilai seperti berikut:

Markah 80 -100	=	Baik
Markah 50 - 79	=	Sederhana
Markah 0 - 49	=	Lemah

Panduan ini berdasarkan panduan daripada Sekolah-sekolah Agama di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga panduan daripada Penilaian Markah Sekolah-sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam kajian ini pengkaji telah merekodkan semula kepada tiga skala di atas (baik, sederhana dan lemah) untuk disesuaikan dengan kajian ini. Pengkaji berbuat demikian kerana pengkaji hanya ingin mengetahui pelajar-pelajar tingkatan satu yang boleh membaca Al-Quran dengan baik dan pelajar-pelajar tingkatan satu yang lemah dalam membaca Al-Quran. Ujian bertulis ini juga digredkan mengikut gred ujian bacaan. Markah yang akan diberi ialah seratus peratus, bagi yang menjawab dengan baik.

Pengkaji membataskan skala baik dan sederhana iaitu daripada markah 50-100 sebagai pelajar-pelajaryang boleh membaca Al-Quran, manakala skala lemah ialah yang mempunyai markah daripada 0-49 disifatkan sebagai pelajar-pelajar yang lemah dalam tajwid bertulis, tajwid bacaan dan aspek sebutan huruf.

Satu set soalan jawi juga telah diuji kepada sampel untuk menilai kebolehan jawi yang dikuasai oleh sampel. Kertas jawapan yang dijawab diperiksa dan diberikan markah. Markah yang diperolehi diproses dan dianalisis

untuk menjawab soalan kajian yang berkaitan dengan penguasaan jawi sampel.

Satu set soal selidik telah diuji kepada sampel untuk mendapat maklumat tentang latar belakang sampel. Maklumat daripada soal selidik diproses dan dianalisis untuk mendapat maklumat mengenai sosioekonomi, pendidikan ibu bapa, pendapatan keluarga serta maklumat-maklumat yang dikehendaki yang berkaitan dengan sampel.

E. CARA PENGANALISISAN DATA

Data-data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (Statistical Pakage for the Social Science). Data-data daripada ujian tajwid bacaan, tajwid bertulis, kebolehan jawi serta soal selidik telah dianalisis setelah markat sampel dikumpulkan. Data yang dikumpul melalui pemerhatian dan temubual dianalisis secara deskriptif sebagai pengukuhan. Analisis data telah dibuat dengan menggunakan peratusan, perbandingan min, sisihan lazim, median, minimum dan maksimum untuk melihat perbezaan min pencapaian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Daripada markah yang diperolehi telah dibuat perbandingan ujian-t berdasarkan jantina, dan latar belakang keluarga.

Data daripada ujian-ujian telah diproses untuk menilai kebolehan sampel dalam kemahiran membaca Al-Quran, dan kebolehan jawi. Analisis korelasi

dan regrasi berganda digunakan juga dalam kajian ini, untuk meramalkan item-item yang mempunyai hubungan yang rapat dan mempengaruhi sampel dalam kemahiran membaca Al-Quran.

Jadual regrasi berganda dan korelasi dibentangkan untuk melihat hubungan antara variabel-variabel mengenai maklumat keluarga, dengan variabel lain seperti tamat membaca Al-Quran dan tamat Muqaddam. Nilai statistik beta dan nilai korelasi digunakan bagi menguji aras signifikan dan hubungan antara variabel dengan variabel yang lain.

Secara keseluruhannya analisis data dalam kajian ini mengikut lima perkara berikut:

- i. Sebaran dan pecahan markah kepada kekerapan dan peratus untuk analisis deskriptif.
- ii. Perbandingan purata, sisihan lazim, minimum dan maksimum antara jantina dan pencapaian dalam ujian-ujian.
- iii. Ujian-t (t-test) untuk membuat perbandingan markat, antara kumpulan pendidikan, pendapatan, dan jantina.
- iv. Korelasi untuk melihat hubungan antara satu markat ujian dengan markah ujian yang lain.
- v. Analisis regrasi untuk melihat perkaitan antara item-item juga untuk meramalkan item-item yang mempunyai kaitan yang tinggi.

- vi. Analisis deskriptif untuk data-data pemerhatian dan temubual sebagai pengukuran.

Sebaran markah dan peratus kekerapan telah digunakan untuk melihat taburan pencapaian markah dalam tiap-tiap ujian yang telah dijalankan dan maklumat dari soal selidik untuk melihat ciri-ciri sampel dan faktor latar belakang keluarga untuk analisis secara deskriptif.

Perbandingan min, sisihan lazim, median, minimum dan maksimum digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan pencapaian markah antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam ujian tajwid bertulis, ujian tajwid bacaan, pencapaian sebutan huruf dan ujian pencapaian jawi.

Ujian-t digunakan untuk membuat perbandingan min dan untuk melihat perbezaan dalam markah ujian-ujian antara kumpulan dan pasangan.

Korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara pencapaian-pencapaian dalam ujian dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran.

Analisis regresi berganda (stepwise regression) digunakan untuk meramalkan item-item yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran membaca Al-Quran. Manakala analisis daripada pemerhatian dan temubual digunakan sebagai pengukuran kepada data-data dalam ujian dan soal selidik.